



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 7, November 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com

Hubungan Efikasi Kendiri Guru dengan *Mindset* Guru Sekolah Rendah

Nancy Leong¹, Dg Norizah Binti Ag Kiflee@Dzulkifli¹

¹Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Nancy Leong (ncforphd@gmail.com)

Abstrak

Kertas konsep ini bertujuan membincangkan tentang efikasi sendiri dengan *mindset* guru sekolah rendah di Negeri Sabah. Kecemerlangan akademik tidak akan mampu direalisasikan sekiranya barisan guru hari ini tidak mempunyai efikasi yang merujuk kepada strategi pengajaran, pengurusan bilik darjah dan penglibatan pelajar. Dalam mengejar kecemerlangan ini, guru-guru perlu sedar akan tanggungjawab dan peranan mereka. Apabila guru yakin dan sentiasa bermotivasi dalam pengajaran, maka proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan berkesan bagi mencapai matlamat sekolah iaitu melahirkan pelajar yang cemerlang. Sejak lima dekad terdahulu, kajian menunjukkan bahawa efikasi sendiri guru berkait rapat dengan pencapaian pelajar. Semakin tinggi efikasi guru semakin besar kesannya kepada pelajar. Tambahan pula, guru yang mempunyai *mindset* pertumbuhan (*growth mindset*) berbanding *mindset* tetap (*fixed mindset*) menunjukkan lebih besar impak positifnya kepada pencapaian akademik pelajar. *Mindset* tetap (*fixed mindset*) adalah kepercayaan bahawa trait individu adalah sesuatu yang telah ditetapkan. Setiap insan mempunyai kelebihan otak dan bakat yang tertentu dan tidak ada apa yang boleh dilakukan untuk mengubahnya. *Mindset* pertumbuhan (*Growth*) ditakrifkan sebagai kepercayaan seseorang individu bahawa trait seseorang seperti kecerdasan dan bakat boleh diperkembangkan melalui usaha dan sifat dedikasi. Justeru tidak hairan bahawa efikasi sendiri berkait rapat dengan *mindset* guru dalam melahirkan pelajar yang cemerlang.

Kata kunci: efikasi sendiri, guru sekolah rendah, *mindset* tetap, *mindset* pertumbuhan

The Relationship Between Self Efficacy and Mindset Among Primary School Teachers

Abstract

This concept paper aims to discuss the self efficacy with the mindset of primary school teachers in Sabah. Good academic achievement will not be able to be realized if today's rows of teachers do not have efficacy that refers to teaching strategies, classroom management and student involvement. In pursuing this tendency, teachers need to be aware of their responsibilities and roles. If the teacher is confident and always motivated in teaching, then the teaching and learning process runs in an impressive way to reach the school vision which is to produce excellent students. Since the previous five decades, studies have shown that the efficacy of teacher control is closely related to student achievement. The higher the teacher's efficacy, the greater his impression on students. In addition, teachers who have a growth mindset versus a fixed mindset show greater positive impact on student academic achievement. Fixed mindset is a belief that individual trait is something that has been set. Every human being has certain brain and talent advantages and there is nothing that can be done to change it. Growth mindset is defined as an individual's belief that one's traits such as intelligence and

talent may be developed through effort and dedication. Therefore, self efficacy is closely related to the mindset of the teacher in producing excellent students.

Keywords: self efficacy, primary school teachers, fixed mindset, growth mindset

Pengenalan

Dasar global langit terbuka di abad ini menjadikan Malaysia mengalami kemajuan yang pesat berkembang dalam bidang teknologi dan penyebaran maklumat. Pendidikan pula merupakan wadah utama bagi menjayakan pembangunan negara dan menjadi alat penting dalam melahirkan sumber tenaga dan modal insan minda kelas pertama. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk melahirkan guru yang berkualiti dan memastikan mereka yang berkualiti kekal dalam sistem pendidikan negara. Fokusnya adalah anak-anak kecil di sekolah rendah yang bakal menerajui dan memimpin negara suatu masa nanti. Misi sebuah sekolah adalah untuk memberi pendidikan kepada pelajar sekolah. Bagi merealisasikan misi ini, tenaga kerja iaitu guru harus mempunyai daya saing dan semangat yang berkobar-kobar untuk memastikan setiap pelajar tidak ketinggalan dari sudut akademik dan perkembangan bakat. Di dalam bilik darjah kursusnya, selain daripada pengetahuan pedagogi, interaksi yang berlaku memerlukan keyakinan supaya proses pengajaran menjadi lebih efektif. Apabila bercakap mengenai isu ini, efikasi sendiri dan *mindset* guru memainkan peranan penting dalam amalan pengajaran guru, oleh itu ia amat penting untuk meneroka hubungan di antara kedua-dua konstruk ini (Glos, 2018).

Kepercayaan seorang guru terhadap keupayaannya untuk mengajar adalah berkait rapat dengan pencapaian akademik. Apa yang guru fikir tentang kemampuan mereka memberi kesan kepada kepercayaan mereka terhadap kebolehan pelajar (Bandura, 1997; Dweck, 2013). Salah satu cara untuk menilai kepercayaan guru terhadap pelajar adalah dengan menilai *mindset* guru tersebut sama ada ianya adalah *mindset* tetap (fixed) ataupun *mindset* berkembang (growth).

Namun begitu, keyakinan dan motivasi guru itu sendiri atau lebih dikenali sebagai efikasi sendiri mampu menjadikan dirinya sendiri sebagai alat untuk memperkembangkan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial pelajar sekolah rendah. Griffin dan Moorhead (2014) berpendapat bahawa efikasi diri seseorang adalah sejauh mana seseorang percaya dapat mencapai matlamatnya bahkan walaupun jika pernah gagal melakukannya di waktu yang lalu. Robbins dan Judge (2013) menjelaskan bahawa efikasi diri merujuk pada keyakinan individu bahawa ia mampu melakukan tugas. Semakin tinggi efikasi dirinya maka semakin yakin atau percaya mampu meraih keberhasilan. Dengan memiliki efikasi diri atau keyakinan yang tinggi, seseorang menjadi percaya atau yakin akan adanya kemungkinan keberhasilan dalam mengerjakan tugas-tugas tertentu. Peluang untuk mencapai keberhasilan akan tercapai pada tugas dengan tingkat kesulitan yang lebih tinggi dibandingkan dengan orang yang tidak memiliki efikasi atau dengan efikasi diri yang rendah.

Efikasi Kendiri Guru Sekolah Rendah

Menurut Bandura (1997) di dalam teori pembelajaran sosialnya, efikasi sendiri guru merupakan kepercayaan terhadap kebolehan diri dalam mengatasi masalah pembelajaran pelajar melalui komitmen, kesungguhan dan sikap guru dalam pengajaran. Efikasi sendiri guru merupakan kebolehan seseorang guru untuk meningkatkan pencapaian pelajar walaupun dalam kalangan murid yang lemah. Menurut Tschannen-Moran, et al., (2001) efikasi sendiri guru adalah keyakinan yang ada pada seseorang guru terhadap kebolehannya untuk mengajar dan memotivasikan pelajar tanpa mengambil kira kebolehan dan latar belakang keluarga pelajar. Kepercayaan guru pada keupayaan diri untuk menyusun atur serta melakukan satu siri tindakan yang diperlukan untuk menyempurnakan tugas pengajaran dalam konteks yang spesifik merupakan efikasi sendiri guru.

Efikasi sendiri ini dikaitkan dengan tingkah laku dan sikap positif guru. Menurut beliau lagi dalam usaha menjadi guru yang berkesan, pengetahuan mengenai kandungan pelajaran serta pedagogi sahaja tidak mencukupi malah keupayaan serta keyakinan guru mengajar adalah lebih kuat pengaruhnya terhadap keberkesanan pengajaran. Kajian oleh Kari (2018) mendapati walaupun efikasi sendiri sukar dikembangkan dalam kalangan guru namun dengan bantuan *mindset* pertumbuhan dapat membantu memupuk efikasi sendiri.

Pengajaran yang berkesan akan berlaku apabila guru mempunyai efikasi sendiri yang tinggi, lebih-lebih lagi tatkala mengajar subjek yang tidak boleh diukur secara terus melalui pencapaian. Justeru itu, guru perlu mempunyai jangkaan efikasi sendiri yang tinggi kerana anggaran terhadap keupayaan diri akan mempengaruhi guru untuk menggunakan kemahiran sedia adanya dengan sebaik mungkin. Keyakinan yang dimiliki akan dapat menjangkakan pencapaian yang tinggi serta dapat menjangkakan kualiti yang baik dalam kerjaya guru pada masa akan datang.

Mindset Guru Sekolah Rendah

Kajian-kajian mengenai teori Implisit banyak dilakukan oleh Carol Dweck dan rakan-rakannya khusus dalam bidang pendidikan dan hubungan sosial. Menurut *Implicit Theory of Intelligence*, setiap individu mempunyai kepercayaan masing-masing berkenaan dengan keupayaan kecerdasan (Dweck, 2015). Sebilangan guru percaya bahawa dengan wujudnya usaha ia dapat meningkatkan tahap kecerdasan pelajar kerana kecerdasan merupakan sesuatu yang boleh ubah (malleable). Mereka dikatakan mempunyai kepercayaan usaha (effort beliefs) dan yakin bahawa usaha dapat meningkatkan kecerdasan dan sekali gus menjamin pencapaian akademik yang tinggi. Kepercayaan sedemikian lumrah dalam masyarakat Asia kerana daya usaha adalah tunjang untuk berjaya daripada segi akademik. Ibu bapa dan guru yang merupakan individu penting dalam kehidupan pelajar kerana ia boleh mewarnai kepercayaan mereka tentang kebolehubahan kecerdasan seseorang.

Sehubungan dengan itu, terdapat juga individu yang percaya bahawa kecerdasan merupakan sesuatu yang tetap dan tidak boleh diubah melalui usaha semata-mata. Kepercayaan tersebut dinamakan sebagai kepercayaan entiti (entity beliefs). Dweck (2000) berpendapat bahawa apabila kanak-kanak mencapai umur 10 hingga 12 tahun, kepercayaan mereka tentang kecerdasan akan memberi kesan terhadap pencapaian sama ada berjaya atau gagal. Hal ini menunjukkan teori kanak-kanak tentang ciri-ciri kecerdasan mempunyai implikasi pendidikan yang signifikan terhadap motivasi dan tingkah laku pembelajaran mereka (Dweck, 2000). Secara amnya, kebanyakan kajian percaya bahawa kecerdasan merupakan sesuatu yang boleh ditingkatkan melalui daya usaha yang memberi kesan positif terhadap tingkah laku dan pencapaian akademik. Hal ini kerana kepercayaan tentang kecerdasan menggalakkan murid untuk bersifat rajin dan berusaha dalam meningkatkan pencapaian dalam akademik.

Efikasi Kendiri Guru dengan Mindset Guru Sekolah Rendah

Kajian Palazzolo (2016), mendedahkan wujud hubungan positif antara *mindset* dan efikasi diri dalam pengajaran sains di sekolah rendah oleh guru-guru novis. Namun dapatan kajian ini tidak menyokong kajian Silbaugh (2016) dimana Silbaugh tidak menjumpai hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri dan *mindset*. Gero (2013) telah mengembangkan soal selidik asal daripada Dweck (2008). Skala ini dikembangkan untuk mengukur kepercayaan minda khusus kepada guru. Gero mengkaji bagaimana pembelajaran profesional dipengaruhi oleh matlamat dan kepercayaan guru.

Penemuan kajian beliau mencerminkan penemuan kajian semasa yang mana efikasi dan *mindset* mempunyai hubungan yang signifikan.

Guru-guru dengan *mindset* pertumbuhan mempunyai jangkaan yang lebih tinggi untuk diri mereka dan pelajar mereka, dengan itu memberi kesan kepada amalan dan pencapaian pelajar (Balzer, 2014). Maka tidak hairanlah efikasi sendiri guru dan *mindset* pertumbuhan mempunyai kesan yang besar kepada amalan guru serta pencapaian pelajar. Ia sama seperti gelung timbal balik, apabila efikasi sendiri

meningkat, begitu juga dengan *mindset* pertumbuhan sebagai amalan yang menunjukkan kemajuan dan kejayaan dalam pelajar dan sebaliknya akan berlaku apabila efikasi sendiri dan *mindset* pertumbuhan berada pada tahap yang rendah. Guru merupakan insan yang menyalurkan ilmu kepada pelajar. Seorang guru bukan sahaja orang yang dapat membantu pelajar dalam menguasai segala kemahiran, tetapi haruslah menjadi seseorang yang membekalkan ilmu tentang pembelajaran sehingga pelajar mampu membuat pilihan dan mengambil keputusan yang bijak.

Rumusan

Secara keseluruhannya, kertas kerja ini membincangkan efikasi sendiri dan *mindset* di kalangan guru-guru dan bagaimana kedua-dua konstruk ini dapat mempengaruhi pencapaian akademik dan perkembangan bakat pelajar khususnya di sekolah rendah. Banyak kajian luar negara telah dijalankan namun masih sedikit kajian yang mencari hubungan serta pengaruh efikasi sendiri serta *mindset* dijalankan di dalam negara. Efikasi sendiri yang tinggi pada seorang guru didapati membantu meningkatkan *mindset* pertumbuhannya seterusnya membuatkan guru lebih dedikasi dan berusaha untuk memperkembangkan bakat serta kecerdasan pelajar. Apabila efikasi guru meningkat, maka guru akan lebih berusaha sepenuhnya mengajar bagi melahirkan pelajar yang cemerlang. Akhir kata semoga hasil kertas konsep ini akan membuka peluang untuk kajian-kajian yang serupa dengannya di masa hadapan serta membantu penambahan ilmu kepada sistem pendidikan negara dalam membina negara bangsa.

Rujukan

- Balzer, J. F. (2014). *Relationship between teachers' beliefs and student achievement in middle school mathematics* (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest. (3717678)
- Bandura, A. (1997). *Self-Efficacy, The Exercise of Control*. New York: W.H Freeman Company.
- Dweck, C. S. (2008). *Mindset: The new psychology of success*. Random House Digital.
- Dweck, C. S. (2000). *Self-theories their role in motivation, personality, and development*. New York, NY: Routledge.
- Dweck, C. S. (2013). Implicit theories. In P. A. Van Lange et al. (Eds.). *Handbook of theories of social psychology* (Vol. 2, pp. 43-61). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Dweck, C. S. (2015, January). *Teachers' mindsets: Every student has something to teach me*. *Educational Horizons*, 93(2), 10-14.
- Glos, K. S. (2018). *Exploring the relationship between teacher self-efficacy and mindset in high school teachers*.
- Griffin & Moorhead. (2014). *Organizational: Behavior, Managing People and Organizations*. South Western: Cengage Learning.
- Palazzolo, S. (2016). *The relationship between mindset and self-efficacy in pre-service elementary teacher candidates teaching science, and its implications on science teaching* (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest. (10125937)
- Robbins & Judge. (2013). *Organizational Behavior*. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Silbaugh, K. M. (2016). *An exploration of the relationship between principal self-efficacy, mindset, & performance outcomes* (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest. (10249534)
- Stewart, K. L. (2018). *The Role of Growth Mindset and Efficacy in Teachers as Change Agents*.
- Tschannen-Moran, M and Hoy, A. W (2001). Teacher Efficacy: Capturing an elusive construct. *Teaching and Teacher Education*, 17, 783-805.
<http://www.coe.ohio.state.edu/ahoy/AERAEfficacymeasure%20.pdf>